



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD

YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

**PROGRAM ECO-CSR 2017: "TOWN CLEANING"
ANJURAN PANASONIC AUTOMOTIVE SYSTEMS
MALAYSIA SDN. BHD. (PASYM)**

07 OKTOBER 2017 (SABTU)

9.15 PAGI

BERTEMPAT DI BUKIT D.O.

BUKIT MERTA JAM

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSP

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong

Ahli Parlimen Bukit Mertajam

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Tatsuo Nambu

Pengarah Urusan Panasonic Malaysia

Yang Berusaha Encik Mohd Reza Mohammad Hilmi

Pengurus Besar, Jabatan Sumber Manusia

Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd.

Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan - Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai dan Kakitangan

Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd.

Rakan - Rakan Media

Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Program Eco-CSR 2017: "Town Cleaning" Anjuran Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMYS).

Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong, Ahli Parlimen Bukit Mertajam kerana sudi melapangkan masa hadir ke majlis ini.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pihak Pengurusan Panasonic Malaysia berserta semua kakitangan Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMYS) yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam program CSR pada hari ini. Terima kasih juga kepada kakitangan MPSP yang turut bersama pada hari ini.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MPSP telah mengadakan Kajian Soal Selidik bermula 30 Ogos 2017 sehingga 25 September 2017 bertujuan untuk merangka pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai 2018 – 2022. Kita menjemput dan memberi peluang kepada stakeholders untuk membuat penilaian tentang Bandar Seberang Perai dan memberi pandangan serta cadangan dalam pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai 2018 – 2022. Maklum balas responden ke atas perkhidmatan keseluruhan MPSP menunjukkan 67% tahap kepuasan pada tahun 2015, 89% tahap kepuasan pada tahun 2016, 88% tahap kepuasan pada tahun 2017 dan 94% tahap kepuasan untuk Soal Selidik Tahun 2018. Daripada analisa data ini, menunjukkan kepercayaan dan kepuasan pembayar cukai di Seberang Perai telah meningkat. Ini juga boleh ditafsirkan perkhidmatan MPSP telah bertambah baik. Walau bagaimanapun, masih banyak ruang untuk meningkatkan dan menambah baik perkhidmatan MPSP.

Dalam Kajian Soal Selidik tersebut, pembangunan hijau dan persekitaran bersih adalah merupakan di antara 10 Keutamaan Strategi (*Strategic Priorities*) yang menjadi keutamaan responden dan Program Eco-Csr 2017: “*Town Cleaning*” Anjuran Panasonic Automotive Systems

Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) merupakan salah satu usaha badan korporat atau swasta dalam merealisasikan Bandar Rendah Karbon pada tahun 2022.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Saya amat mengalu-alukan sumbangan pihak Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) dalam menganjur serta menjayakan Program Eco-CSR 2017: “Town Cleaning”. Saya melihat, ini adalah hasrat murni Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) bersama MPSP untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dan juga semangat kekitaan bagi menjayakan objektif dan hasrat kita terhadap komuniti.

Objektif Program Eco-CSR 2017: “Town Cleaning” pada hari ini ialah untuk memberi kesedaran kepada pekerja-pekerjanya mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Ini adalah seiring dengan fokus MPSP dalam menekankan penjagaan kebersihan serta mewujudkan pengindahan dan kehijauan bagi kawasan Seberang Perai. Ini juga membuktikan sokongan pekerja Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) serta keazaman mereka dalam penjagaan kelestarian alam sekitar. Setiap gerak kerja menjaga dan memelihara alam sekitar bermula dari pemikiran, hati dan dilangsungkan dengan

perbuatan, atau kata mudahnya, boleh dirumuskan sebagai *head, heart and hand*. Saya juga telah dimaklumkan pada hari ini, akan terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan sepanjang pagi ini iaitu senamrobik dan zumba, mengecat semula "*hand railings*", menanam pokok, pemeriksaan kesihatan dan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Pihak MPSP akan sentiasa bersama-sama tuan-tuan dan akan memberikan perkhidmatan yang sebaiknya. Kerjasama komuniti terutamanya pihak swasta amat penting kerana ia dapat membantu MPSP dalam menjaga kebersihan. Dengan kerjasama ini, MPSP mampu merealisasikan impian menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon pada tahun 2022.

Untuk itu, dalam menjaga kebersihan persekitaran, aspek-aspek utama yang perlu ditekankan adalah kitar semula dan *composting*. Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran penduduk Seberang Perai untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa, di punca, juga aktiviti kitar semula dan *composting*. Ini adalah untuk memupuk satu ikatan ke arah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaan sisa pepejal atau sampah sarap. Ia juga mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan

sampah. Jika warga Seberang Perai dapat mengamalkan kitar semula, ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, pada tahun 2016, MPSP telah membelanjakan RM8,766,971.90 untuk menguruskan 434,008.51 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos ini hanya merupakan kos *tipping fees* di Pulau Burung, tidak termasuk gaji, kos minyak dan penyelenggaraan kenderaan.

Pengurangan sampah ke Pulau Burung bukan sahaja dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah tersebut, namun ia juga dapat mengurangkan kos pembayaran *tipping fees* yang dikeluarkan oleh MPSP. Jika lebih banyak kos dapat diijimatkan, wang tersebut dapat disalurkan untuk membangunkan dan mengindahkan lagi kawasan Seberang Perai.

Pada tahun 2016 kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai adalah 42.60% yang mana telah berjaya ditingkatkan dari 39.64% pada tahun 2015. Bagi mencapai hasrat MPSP untuk mencapai Bandar Rendah Karbon yang diimpikan pada tahun 2022, kadar kitar semula perlu dipertingkatkan dari 42% pada tahun 2016 ke 70%. Angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya

MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini.

MPSP mahu memperkenalkan *MPSP Smart Consumption Model* (Model MPSP berhubung Penggunaan Bijak) bagi mencapai impian untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2022.

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth)*
2. *Refuse (Don't consume what you don't need to)*
3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials)*
4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects)*
5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)*
6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)*
7. *Recover (Energy and materials recovery. And **UPCYCLE**)*
8. *Recycle (Close the loop and remake)*

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Sekali lagi, saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program

CSR dan membantu MPSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, hijau, indah dan selesa didiami. Marilah kita bersama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.

Akhir kata, saya amat berterima kasih kepada pihak pengurusan Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASYM) dan kakitangannya yang menjayakan aktiviti CSR di Taman Tunku ini. Faedah daripada kerjasama ini bukan sahaja membawa kesan yang positif kepada Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASYM) serta kakitangannya malahan turut memberi impak kepada penduduk sekitar serta masyarakat Seberang Perai amnya.

Dengan ini, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.